

TEKS UCAPAN

PROFESOR Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

**MAJLIS PENUTUP PROGRAM UTeM TERBILANG 2.0
(IKRAR AKU JANJI DAN ORIENTASI STAF BARU)**

24 JUN 2022 (JUMAAT), 3.00 PETANG

DEWAN AUDITORIUM

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)

Bismillah hirrahman nirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis,

Yang Dihormati Encik Masdzarif bin Mahat

Ketua Pegawai Operasi (COO)

Encik Mohd Azmi bin Mat Said

Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pembangunan Bakat

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Dekan-Dekan

Pengarah-Pengarah

Serta staf-staf dan keluarga UTeM yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan inayah-Nya yang mengizinkan kita untuk bersama-sama pada petang ini bagi Majlis Penutup Program UTeM Terbilang 2.0 (Ikrar Aku Janji dan Orientasi Staf Baru). Terlebih dahulu saya ingin

mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Pejabat Pendaftar kerana telah berjaya menganjurkan program ini.

2. Saya dimaklumkan program ini dilaksanakan khas buat staf-staf kontrak dan juga sebagai prasyarat bagi staf-staf yang telah ditetapkan untuk disahkan dan telah berlangsung selama seminggu bermula pada hari Isnin tempoh hari. Sememangnya program seperti ini adalah sangat diperlukan terutama di kalangan staf-staf baru yang masih belum memahami sistem pentadbiran dan pengurusan di UTeM. Diharapkan dengan penganjuran program ini serba sedikit

akan dapat memberi pendedahan kepada anda semua berkenaan perkara-perkara asas seperti pengurusan sumber manusia, proses kewangan, integriti dan lain-lain.

Keluarga UTeM yang saya hormati sekalian,

3. Bagi memastikan sistem pentadbiran dan pengurusan yang lestari, UTeM melalui Pejabat Pendaftar sentiasa mencari bakat-bakat baru yang boleh memberi idea-idea yang kreatif dan kreatifis dalam pembangunan UTeM. Kehadiran anda semua di sini pada hari ini membuktikan bahawa anda semua

adalah insan-insan yang terpilih untuk meneruskan legasi kepemimpinan di UTeM pada masa akan datang.

4. Untuk makluman semua, majoriti daripada staf-staf di UTeM adalah terdiri daripada mereka yang telah berusia 45 tahun dan ke atas. Oleh yang demikian, saya berharap bahawa kehadiran anda semua akan dapat membentuk UTeM ke arah satu sistem pengurusan Universiti yang lebih segar dengan sumbangan idea yang lebih moden selaras dengan perkembangan semasa. Sumbangan dan tenaga anda semua adalah amat diperlukan bagi tujuan ini.

5. Bukan itu sahaja, seperti yang anda semua sedia maklum, pada masa kini saya merupakan Naib Canselor yang paling muda di kalangan Naib Canselor di Malaysia. Terdapat pelbagai *stereotype* yang saya terpaksa hadapi. Hanya kerana usia saya yang masih muda, saya di pandang rendah oleh sesetengah pihak. Namun begitu saya telah membuktikan bahawa usia bukanlah penghalang kepada kita semua untuk terus berusaha dan berjaya selaras dengan mereka-mereka yang lebih berusia. Oleh yang demikian saya menyeru kepada anda semua untuk terus berusaha tanpa memperdulikan tomanan orang lain yang ingin menjatuhkan.

Hadirin dan Hadiran yang saya hormati sekalian,

6. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan anda semua. Sejauh mana kita melangkah dan sebesar mana kejayaan yang telah kita peroleh, jangan mudah untuk melupakan asal dan usul kita. Jangan mudah taksub dengan pangkat yang diperoleh hingga menyebabkan ego dan sombong tertanam dalam diri kita. Sentiasa melatih diri untuk mengangkat adab dan menghormati orang lain tidak kira siapa kita. Profesor, Tan Sri mahupun Datuk Sri. Tanda adab dan tertib gagal lah segala ilmu yang telah kita timba di dunia ini.

7. Sebagai seorang penjawat awam juga, kita semua tidak akan dapat lari daripada masalah disiplin dan integriti. Seringkali kita baca di dada akhbar dan juga coretan-coretan di media sosial. Terdapat pelbagai kes integriti berlaku di kalangan penjawat awam. Saya dimaklumkan anda semua telah menjalani ceramah 'Peranan Staf Menjayakan Matlamat Universiti (Statut, Integriti dan Akauntabiliti)' yang telah disampaikan oleh Pejabat Undang-Undang. Saya mohon untuk anda semua memandang serius akan perkara ini dan menjaga tatasusila sebagai penjawat awam. Sesungguhnya anda semua melambangkan imej UTeM.

8. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa anda semua merupakan cerminan UTeM. Maka sama-sama lah kita menjaganya. Sesungguhnya kita merupakan satu keluarga. Jangan kerana nila setitik rosak susu sebelanga.
9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Pendaftar kerana telah berjaya menganjurkan program ini. Syabas dan tahniah juga kepada semua kerana telah berjaya mengharungi program selama 5 hari ini.

Kalau tuan menabur budi,
Jangan di endah hati yang lara;
UTeM Terbilang membentuk peribadi,
Staf berintegriti pewaris negara.

Sekian, Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualaikum wbt.

